

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 10.08.2017

SOALAN : 37

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membanteras hingga ke akar umbi terhadap penjawat awam yang terlibat dalam aktiviti rasuah terutama sekali kepada mereka yang memegang jawatan tinggi dalam Kementerian.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha Kerajaan untuk membanteras aktiviti rasuah hingga ke akar umbi terhadap penjawat awam terutama sekali kepada mereka yang memegang jawatan tinggi dalam Kementerian adalah seperti berikut:

a) **Siasatan yang adil**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat setiap kesalahan rasuah dengan adil tanpa pilih kasih, kedudukan, fahaman politik atau sektor yang terlibat. SPRM mengambil tindakan tegas yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam rasuah seperti yang diperuntukkan dalam Akta SPRM 2009.

b) **Tindakan drastik dari segi Siasatan**

Kerajaan tidak pernah menyekat SPRM daripada mengambil tindakan drastik terhadap pesalah-pesalah rasuah samada dari sektor awam, swasta mahupun Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan (GLC). SPRM sememangnya sangat memandang serius terhadap pesalah rasuah dan sentiasa beriltizam untuk memastikan tindakan penguatkuasaan yang bebas, telus dan profesional terhadap pesalah-pesalah rasuah.

Tindakan operasi sememangnya sangat signifikan sebagai langkah punitif dan untuk mewujudkan kegerunan di kalangan pelaku rasuah.

c) **Siasatan tanpa kompromi**

SPRM tidak berkompromi dengan rasuah dan pesalah rasuah. Tindakan SPRM tidak membezakan seseorang itu berjawatan tinggi atau rendah.

- d) **Lucuthak harta melalui Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).**

Selain daripada tindakan siasatan dan Pendakwaan atas kesalahan rasuah, seseorang itu juga boleh dituduh di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atas kesalahan pengubahan wang haram. Tindakan tegas ini membolehkan harta hasil perbuatan rasuah itu dilucuthak daripada pesalah rasuah.

- e) **Tindakan Tatatertib melalui Unit Integriti (UI)**

Penubuhan Unit Integriti (UI) di semua agensi awam dan semua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) menyatupadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti di sesuatu Agensi di bawah satu unit khusus, melalui pelaksanaan enam (6) fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan tatatertib. Peranan Unit Integriti dapat membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi, sekaligus mengukuhkan serta memantapkan Agensi, kearah menutup ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

- f) **Paparan kesalahan dan hukuman melalui Portal SPRM**

SPRM dari semasa ke semasa memaparkan butiran mengenai pesalah rasuah di laman Portal SPRM bagi tujuan pengajaran

kepada orang awam. Paparan yang membezakan pelaku-pelaku di kalangan berjawatan tinggi atau rendah itu adalah sebagai peringatan kepada mana-mana pihak lain supaya menjauhi perbuatan rasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 38

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan apakah halangan Kerajaan untuk
menghentikan hidangan arak dalam semua penerbangan Malaysian
Airlines (MAS).**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada halangan berhubung cadangan untuk menghentikan hidangan arak dalam semua penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB). Walau bagaimanapun, MAB sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna kerajaan dan MAB menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

Mulai 1 Januari 2016, MAB tidak lagi menghidangkan minuman keras untuk penerbangan di bawah 3 jam perjalanan.